



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1990

DASAR KENAIKAN PANGKAT BAGI PEGAWAI YANG SEDANG
DISIASAT DAN TELAH MENERIMA HUKUMAN TATATERTIB

TUJUAN

Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan mengenai ketetapan yang telah dibuat berhubung dengan urusan kenaikan pangkat bagi pegawai yang sedang disiasat dan juga yang telah menerima hukuman tatatertib di bawah [Perintah-perintah Am Pegawai Awam \(Kelakuan dan Tatatertib\) Bab "D" 1980.](#)

PEMAKAIAN

2. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah dipakai untuk urusan kenaikan pangkat yang dilaksanakan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat yang di bawah [Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1986](#)

(P.U. (A) 151) dan Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran 1974 (P.U. (A) 89).

3. Kaedah Surat Pekeliling ini juga dipakai bagi urusan pemangkuan.

PERATURAN BARU

4. Adalah diputuskan bahawa setiap urusan kenaikan pangkat yang akan dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan seperti di perenggan 2 di atas hendaklah tertakluk kepada peraturan berikut:

- (a) Pegawai yang ditohmah tetapi tidak dapat dibuktikan, hendaklah dipertimbangkan dalam urusan kenaikan pangkat;
- (b) Pegawai yang mempunyai kes "prima-facie" hendaklah dipertimbangkan dalam urusan kenaikan pangkat dan kes pegawai berkenaan akan dimaklumkan kepada Lembaga;
- (c) Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib adalah tidak layak dinaikkan pangkat mengikut tempoh dan urusan seperti di bawah :

<i>Hukuman</i>	<i>Tempoh tidak layak dinaikkan pangkat/urusan kenaikan pangkat</i>	
Amaran	6 bulan atau	1 urusan, mana yang terdahulu
Celaan	9 bulan atau	1 urusan, mana yang terdahulu

Denda	12 bulan atau	1 urusan, mana yang terdahulu
Lucut Hak Gaji	18 bulan atau	1 urusan, mana yang terdahulu
Henti Kenaikan Gaji	24 bulan atau	1 urusan, mana yang terkemudian
Tangguh Kenaikan Gaji	30 bulan atau	1 urusan, mana yang terkemudian
Turun Gaji	36 bulan atau	1 urusan, mana yang terkemudian
Turun Pangkat	48 bulan atau	2 urusan, mana yang terkemudian.

- (d) Bagi pegawai atau kakitangan yang dikenakan lebih daripada satu hukuman tatatertib, hasil campuran tempoh atau urusan kenaikan pangkat ini hendaklah tidak melebihi dari tempoh atau urusan kenaikan pangkat seseorang pegawai yang dikenakan hukuman yang lebih berat; dan
- (e) Tempoh kuatkuasa pengeneplan kenaikan pangkat ialah mulai tarikh hukuman tatatertib dijatuhkan.

TARIKH BERKUATKUASA

5. Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling Perkhidmatan ini ialah mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.

AM

6. Sekiranya ada sebarang keraguan, penjelasan lanjut bolehlah diminta daripada Bahagian Perkhidmatan Jabatan ini.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(HAJI ABDUL HALIM BIN ABDUL SALAM)
*Timbalan Ketua Pengarah,
Perkhidmatan Awam,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

Tarikh: 16 November 1990

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun.

Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan.